# 2.1 LATAR BELAKANG SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

@icebearrawrr

## UNDANG-UNDANG NEGERI MELAYU :

- Raja sebagai pemerintah
- Rakyat memberi ketaatsetiaan
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja
- Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain
- Antara undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor dan Undang-undang 99 Perak

- Sebelum kedatang kuasa barat, negara kita sudah mempunyai undang-undang dan adat Melayu yang dijadikan sebagai asas perlembagaan
- Undang-undang ini menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara

- Undang-undang di negeri Melayu mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang dari barat sekitar awal abad ke-19

## UNDANG-UNDANG INGGERIS :

- British memperkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai *Charter of Justice*
- Diambil oleh undang-undang yang digubal di England
- Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai. Contohnya, *Charter of Justice 1807*
- Di Sarawak pula, terdapat *The Sarawak Application of Law Ordinance 1949* yang menggunakan *The Common Law of England*
- Di Sabah, terdapat undang-undang yang sama disebut *Sabah Application of Law Ordinance 1951*

- Pada bulan Ogos 1916, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang , iaitu Council Negri (Majlis Negeri) yang mengandungi 45 orang ahli dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha
- Majlis Tertinggi pula dipengerusikan oleh Gabenor yang turut dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara
- Perlembagaan Sarawak pada tahun 1595 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri

- Di Sabah pula ditubuhkan Majlis Undangan dan Majlis Kerja pada tahun 1950
- Majlis undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya

be positive

- Institusi Pemerintahan beraja diteruskan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
- Walaupun begitu, beberapa pindaan disesuaikan dengan konsep Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diperkenalkan dan menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini
- Perlembagaan inilah menjadi asas kepada sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen

**@icebearrawrr**